

# Jumlah tuntutan berkurangan

BH 21/6/08 M/S 22

## RM437.23 juta rebat tunai dibayar di 683 pejabat pos seluruh negara sejak 14 Jun

Oleh Sazarina Shahrin

**K**UALA LUMPUR: Sejumlah RM437.23 juta rebat tunai sudah dibayar kepada 56 peratus pemilik kenderaan persendirian yang layak sejak 14 Jun lalu menerusi pejabat pos besar terpilih di seluruh negara.

Pos Malaysia Bhd (PMB) berkata, jumlah pemilik yang membuat tuntutan kini semakin berkurangan di semua 683 pejabat pos seluruh negara yang dipilih untuk melaksanakan pembayaran rebat berkenaan.

“Kaunter khas untuk pembayaran bil dan urus niaga lain akan dibuka untuk kemudahan pengguna bagi mengelakkan kesesakan jika diperlukan.

“Pada masa sama, PMB sedang menyiasat dakwaan pemilik kenderaan persendirian tidak mendapat rebat berkenaan berikutan ada ‘wakil tidak sah’ mengambil bagi pihak mereka. Hasil siasatan kelak akan dimaklumkan kepada pihak yang membuat aduan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Baru-baru ini, kerajaan memutuskan memberi rebat tunai kepada pemilik kenderaan persendirian bagi petrol dan diesel berikutan penstrukturan semula harga bahan api berkenaan dengan PMB dilantik untuk melaksanakan pembayaran itu.

Kenyataan itu juga menyebut, PMB mengambil langkah tertentu untuk mengawal pemberian rebat itu, termasuk membolehkan orang ramai memuat turun borang khas bagi tuntutan rebat tunai itu daripada laman web Pos Malaysia di

[www.pos.com.my](http://www.pos.com.my)

“Pelanggan yang tidak mahu menuntut rebat dalam bentuk tunai boleh memohon dalam borang kiriman wang yang disediakan di pejabat pos. Pemilik kenderaan persendirian yang layak akan menerima kiriman wang itu dalam tempoh tujuh hari bekerja,” katanya.

Sementara itu, PMB menjelaskan, pemilik kenderaan yang memiliki kad pengenalan sementara perlu mengemukakan sama surat lesen memandu atau passport sebagai bukti bagi mengelak penipuan.

PMB juga menasihatkan orang ramai supaya menghubungi terus Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di talian hotline 03-88866427 atau 03-88884244 jika mereka menghadapi masalah, sama ada mereka tidak disenarai dalam sistem maklumat JPJ atau didapati tidak layak mendapatkan rebat tunai itu.

Katanya, pemilik kenderaan yang layak menerima rebat tunai tidak perlu tergesa-gesa menuntutnya kerana tarikh akhir tuntutan adalah pada 31 Mac 2009.